



SIARAN MEDIA

LAPORAN KAJIAN BENCANA GEOLOGI BANJIR PUING 2022 SUNGAI KUPANG, BALING, KEDAH

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) telah mengetuai Pasukan Khas Siasatan Bencana Tragedi Baling yang ditubuhkan pada 20 Julai 2022 untuk menjalankan siasatan dan menyediakan laporan kajian bencana banjir puing di Sungai Kupang, Baling, Kedah yang melibatkan **76 pegawai daripada 3 kementerian, 22 jabatan dan agensi teknikal di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah** serta **3 badan profesional** yang terdiri daripada **pakar bencana geologi**.

Pasukan Khas Siasatan Bencana Tragedi Baling telah bersidang sebanyak **tiga (3) kali** pada **20 Julai 2022, 25 Julai 2022 dan 3 Ogos 2022**. Selain itu, Bengkel Penyediaan Laporan Kajian Bencana Banjir Puing Baling juga diadakan pada 28 Julai hingga 30 Julai 2022. Laporan kajian yang terhasil telah dibentangkan kepada Menteri Tenaga dan Sumber Asli dalam Mesyuarat Khas Siasatan Bencana Tragedi Baling Bilangan 3/2022 pada 3 Ogos 2022. Seterusnya Laporan Kajian Bencana Banjir Puing Baling ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada **5 Ogos 2022**.

Laporan ini merupakan satu **laporan bersepadu** berdasarkan data dan maklumat teknikal daripada jabatan-jabatan yang menjalankan siasatan di kawasan kejadian serta digabungkan dengan analisis saintifik pakar-pakar geologi dan hidrologi. Penghasilan laporan bersepadu ini mengambil kira **elemen-elemen geologi dan geomorfologi, hakisan dan perlodakan, cuaca dan curahan hujan, guna tanah, anatomi dan hidrologi lembangan sungai, dan proses geologi berangkai** termasuk kenyataan saksi-saksi yang terkesan di kalangan komuniti kampung-kampung yang terjejas akibat kejadian bencana ini.

Penemuan laporan kajian ini merumuskan bahawa faktor penyebab utama bencana di Sungai Kupang, Baling, Kedah adalah disebabkan **fenomena proses geologi berangkai** iaitu **kejadian tanah runtuh serentak secara meluas di terain perbukitan granit terluluhawa** akibat;

- Cetusan hujan lebat melampau dan diikuti pula pembentukan aliran puing, banjir puing dan banjir lumpur.
- Hakisan di hutan sekunder akibat penukaran guna tanah kepada hutan ladang sejak tahun 2010. Ia telah meningkatkan kadar hakisan di kawasan tanah tinggi membawa kepada perlodakan dan mencetekkan sungai.

Keadaan ini diburukkan lagi apabila jambatan Kampung Iboi menjadi 'empangan sementara' ketika banjir puing berlaku. Ini menyebabkan banyak puing pasir dan kayu kayan terkumpul lalu pecah dan menghasilkan kuasa damparan tinggi serta mengakibatkan kematian dan kemusnahan harta benda.

Apabila bahan puing pasir dan kayu kayan sudah terdampar, banjir puing menjadi banjir lumpur yang menyebabkan kerosakan harta benda dan petempatan di hilirnya. Kolam takungan air, tandak dan kolam perangkap lodak di sepanjang alur sungai tidak memainkan peranan dalam bencana ini, sebaliknya menjadi mangsa kepada rempuhan aliran puing.

Laporan Bersepadu Kajian Bencana Geologi Aliran Puing di Sungai Kupang, Baling, Kedah boleh dimuat turun di laman sesawang dan media sosial KeTSA:

<https://www.ketsa.gov.my/ms->

[my/pustakamedia/Penerbitan/Laporan%20Kajian%20Bencana%20Geologi%20Banjir%20Puing%202022%20di%20Sungai%20Kupang%20Kedah.pdf](https://www.ketsa.gov.my/pustakamedia/Penerbitan/Laporan%20Kajian%20Bencana%20Geologi%20Banjir%20Puing%202022%20di%20Sungai%20Kupang%20Kedah.pdf)

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

5 OGOS 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

 KeTSAMalaysia  KeTSAMalaysia  ketsa.malaysia

